

PEMAKLUMAN

STANDARD PERKHIDMATAN PROFESIONAL TEKNOLOGIS DAN JURUTEKNIK OLEH LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA

Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) telah menerbitkan Standard Perkhidmatan Profesional untuk Teknologis dan Juruteknik (*Professional Services Standard for Technologists and Technicians*). Selaras dengan Akta Teknologis dan Juruteknik 2015 (Akta 768), standard ini berfungsi sebagai rujukan utama kepada teknologis dan juruteknik untuk memastikan pematuhan kepada skop perkhidmatan dan amalan profesional teknologis dan juruteknik.

Standard ini juga menyediakan panduan komprehensif kepada teknologis dan juruteknik dalam melaksanakan perkhidmatan teknikal dan teknologi mengikut piawaian profesional yang merangkumi 24 bidang yang diiktiraf oleh MBOT. Standard ini akan dijadikan panduan oleh Teknologis Profesional (Ts.) dan Juruteknik Bertauliah (Tc.), organisasi, majikan, pemilik projek, badan pengawal selia dan Kerajaan. Standard ini juga digunakan oleh MBOT sebagai dokumen asas dalam proses pendaftaran, penilaian, dan akreditasi.

Standard yang dibangunkan oleh Technology and Technical Working Group (TTWG), MBOT ini bersifat inklusif dengan mengambil kira input dan amalan terbaik daripada pakar-pakar merangkumi sektor kerajaan, swasta, institusi dan industri. Ia juga mencerminkan sumbangan teknologis dan juruteknik kepada kepesatan pembangunan teknologi.

Sebagai simbolik pelancaran standard ini, Mejar Prof. Madya Ts. Ir. Dr. Mohd Hazizan Bin Mohd Hashim, Pengerusi *Taskforce* Pembangunan Standard telah menyerahkan dokumen standard tersebut kepada Profesor Emerita Datuk Ts. Ir. Dr. Siti Hamisah binti Tapsir, FASc., Presiden MBOT pada 4 Februari 2025.

Layari www.mbot.org.my/professionalguidelines untuk memuat turun Standard Perkhidmatan Profesional untuk Teknologis dan Juruteknik (*Professional Services Standard for Technologists and Technicians*).

-TAMAT-

Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) merupakan sebuah badan profesional yang memberikan pengiktirafan profesional kepada Teknologis dan Juruteknik dalam bidang teknologi dan teknikal. MBOT telah ditubuhkan di bawah Akta Teknologis dan Juruteknik 2015 [Akta 768] untuk mengiktiraf dan membangunkan profesion teknologis dan juruteknik sebagai profesion iktisas.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT)
t.nabila@mbot.org.my
+603-8800 6268/+6017-798 2604